

13 AUG 1996

Fujian-Konvensyen

PERHIMPUNAN FUJIAN SEDUNIA AKAN DIBENTUK DI LANGKAWI

LANGKAWI, 13 Ogos (Bernama) -- Pembentukan Perhimpunan Fujian Sedunia dijangka menjadi agenda utama Konvensyen Sedunia Fujian Kedua yang akan bermula Jumaat ini.

Ini berikutan resolusi yang dibuat semasa konvensyen sebelum ini di Los Angeles pada 1994 yang perhimpunan itu akan dibentuk pada konvensyen berikutnya.

Memandangkan penyertaan aktif Malaysia dalam konvensyen itu, jawatan pengerusi perhimpunan baru itu dijangka diberikan kepada Malaysia sebagai tanda penghormatan.

Setiausaha Eksekutif Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia, Lim Chuan Boon memberitahu Bernama di sini, hari ini, jawatan pengerusi diberikan kepada Malaysia berdasarkan kepada komitmen masa lampau dan sekarang.

Persekutuan persatuan-persatuan Hokkien Malaysia merupakan penganjur konvensyen dua hari itu. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan konvensyen itu di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat.

Konvensyen kali ini berjaya menarik lebih kurang 2,500 pemimpin Hokkien dari seluruh dunia sedangkan konvensyen pertama hanya disertai oleh lebih kurang 180 orang.

Lim berkata, di samping pembentukan perhimpunan itu, satu seminar mengenai Peluang Pelaburan Malaysia-Fujian juga akan diadakan semasa konvensyen itu.

Pada masa yang sama empat agensi iaitu MIDA, PORIM, Majlis Kayu-kyan Malaysia dan Lembaga Penggalakkan Pelancongan akan menyertai pameran bersama 12 lagi agensi dari wilayah Fujian di China, kata beliau.

"Sementara cuba menarik lebih banyak pelabur ke negara ini, kami juga menganggap konvensyen ini sebagai usaha memperkenalkan Malaysia dan Langkawi sebagai destinasi pelancongan," kata Lim.

Antara tokoh-tokoh korporat yang mengesahkan kehadiran mereka di konvensyen itu ialah Pengerusi Bank OUB Singapura Wee Cho Yaw, Pengerusi Resort World Tan Sri Lim Goh Tong, Pengerusi Eksekutif Berjaya Tan Sri Vincent Tan, Presiden Kumpulan Farlim Dr Lim Gait Tang dan pengerusi YTL Corp Tan Sri Yeoh Tiong Lay.

Konvensyen itu juga akan menyaksikan perhimpunan terbesar di dunia pemimpin-pemimpin Hokkien dan tokoh-tokoh korporat keturunan Cina. --

BERNAMA

ZAA PR